



SEORANG anggota polis melihat keadaan bas kilang yang remuk selepas terlibat dalam kemalangan di Jalan S8 Pekeliling dekat MASKargo di Sepang hingga mengorbankan 12 orang termasuk pemandunya kelmarin.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mohamed Hanipa Maidin (kiri) turut hadir ke Hospital Serdang untuk mengetahui perkembangan terkini mangsa kemalangan.

Ahli keluarga turut mendakwa Suresh tidak pernah terlibat dalam kemalangan

KOSMO (09/04/2019) M/S 03

Pemandu didakwa tiada saman

SERDANG – Ahli keluarga pemandu bas kilang yang maut bersama 11 pekerja MASKargo dalam kemalangan ngeri dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mendakwa mendiang tidak pernah terlibat dalam nahas atau mempunyai saman tertunggak.

S. Sathiaselvan, 43, malah mendakwa, mendiang abang iparnya, S. Suresh, 43, seorang ayah dan lelaki yang baik sepanjang dia mengenalinya.

Katanya, kejadian itu amat mengejutkannya sekeluarga kerana mendiang ada datang ke rumahnya di Desa Cempaka, Nilai pada pukul 10.30 malam



SATHIASSELVAN

sebelum kemalangan untuk menanyakan khabar.

“Saya dimaklumkan mengenai kejadian itu pada pukul 1.30 pagi oleh syarikat bas berkenaan.

Saya difahamkan mendiang telah bekerja lebih dari 10 tahun dan tidak pernah terlibat dengan kemalangan atau menerima saman.

“Pemergiannya amat dirasakan kerana kami duduk satu taman dan anaknya sering datang ke rumah untuk belajar dengan isteri saya,”

ceritanya ketika ditemui *Kosmo!* di Hospital Serdang di sini semalam.

Suresh maut selepas bas dipandunya terjunam ke dalam longkang di Jalan S8 Pekeliling berdekatan MASKargo KLIA pada pukul 11.10 malam. Turut maut dalam kejadian itu ialah 11



AHLI keluarga mengangkat keranda mengandungi Suresh yang maut bersama 11 lagi individu selepas bas kilang dipandunya terbabas lalu terjunam ke dalam longkang dalam kejadian di Jalan S8 Pekeliling dekat MASKargo di Sepang semalam.

pekerja asing yang terdiri daripada warga Indonesia (4), Bangladesh (5) dan Nepal (2).

Mayat mendiang dihantar ke Nilai, Negeri Sembilan untuk

urusan pengebumian. Mendiang meninggalkan seorang isteri dan tiga anak.

Sementara itu, rakan salah seorang mangsa yang mahu dike-

nali sebagai Nurul berkata, kehilangan Rosvita Loka Harahap, 23, merupakan satu kehilangan besar buat dirinya.

“Saya mengenali mangsa sejak tiga tahun lalu dan tinggal bersama di Nilai selain bekerja di tempat yang sama sebagai kerani.

“Sebaik dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh rakan sekerja, saya terus bergegas ke lokasi kejadian,” katanya sambil memberitahu keluarga Rosvita di Medan, Indonesia telah dimaklumkan mengenai tragedi itu.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, lesen syarikat bas itu boleh digantung sekiranya siasatan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia mendapati ia tidak mematuhi langkah-langkah keselamatan yang ditetapkan.



SEBAHAGIAN rakan mangsa nahas bas kilang tidak dapat menahan sebak ketika menunggu proses menuntut jenazah di bilik mayat Hospital Serdang.



SALAH seorang mangsa yang terselamat ditolak menggunakan kerusi roda ketika mendapatkan rawatan di Hospital Putrajaya.